

Malaysia tolak Apec jadi blok dagang

Daripada Razali Yahya

JAKARTA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan menyertai sebarang blok dagangan yang membabitkan Forum Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

"Dalam situasi ini, saya sebenarnya bukan menentang Barat. Saya cuma tidak bersetuju dengan apa yang ditekankan oleh pihak Barat dan mereka harus faham pendirian Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam sidang Apec di sini November depan, Malaysia akan menyatakan pendirian tidak mahu Apec menjadi satu blok dagangan pada mesyuarat peringkat tertinggi yang membabitkan Asean.

Mesyuarat membabitkan ketua negara Asean itu akan berlangsung sebelum bermulanya Apec yang dijadual pada pertengahan November ini.

"Walaupun Malaysia tetap dengan pendirian itu, sudah pasti ini tidak sama dengan negara Asean yang lain yang mahu diwujudkan blok-blok dagangan sebagaimana yang dimahukan Barat.

"Walaupun kadangkala dalam keadaan tertentu kita terpaksa mengikut keputusan itu tetapi Malaysia tidak akan mengubahnya dan tidak mahu menyertai sesuatu yang kita tidak setuju," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar di hari terakhir lawatan kerja selama dua hari di Kedutaan Besar Malaysia di sini, petang semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau akan menyertai sidang Apec yang akan diadakan di Indonesia.

"Dalam pertemuan dengan Presiden Suharto saya sudah menjelaskan bahawa saya tetap akan hadir pada sidang kali ini," katanya.

Perdana Menteri dikecam oleh media Barat kerana tidak hadir pada sidang Apec Seattle, Amerika Syarikat sebelum ini.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, setakat ini belum ada jadual ditetapkan dalam proses mengurangkan sekatan melalui cukai dan sebagainya.

"Pengerusi sidang Apec akan datang, Presiden Suharto belum menyediakan secara rasmi jadual berkenaan. Begitu pun, beliau sudah memberi penjelasan mengenai kedudukan itu dalam pertemuan kelmarin," katanya.

Terdahulu, pada sebelah pagi, Dr Mahathir dan rombongan mengadakan kunjungan ke Industri Seramik di Plered Purwakarta, kira-kira 170 kilometer dari sini.

Selepas itu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan masyarakat Malaysia yang tinggal di Jakarta termasuk mengadakan dialog dengan pelajar Malaysia. Majlis berlangsung di Kedutaan Besar Malaysia.